



مجلس آغا اسلام دان آدات ملايو ترنگانو
MAIDAM
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

1. Adalah menjadi dasar Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan selesa untuk semua pekerja dan orang-orang lain yang berada di bangunan jabatan.
2. Pihak pengurusan dan pekerja akan bersama-sama berusaha untuk mencapai matlamat dasar ini melalui rundingan dan kerjasama yang berterusan.
3. Bagi tujuan ini, Jabatan ini komited untuk :
 - 3.1 **Menyedia dan menyenggarakan** suatu tempat kerja yang selamat, sihat dan selesa dengan mengambil kira kehendak-kehendak perundangan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, peraturan-peraturan serta tata amalan yang diluluskan;
 - 3.2 Memastikan semua pekerja **diberi maklumat / arahan / latihan / penyeliaan** berkenaan cara menjalankan tugas dengan selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan;
 - 3.3 **Menyiasat** semua kemalangan, penyakit pekerjaan dan kejadian berbahaya yang berlaku dan mengambil langkah-langkah untuk memastikan ia tidak berulang lagi.
 - 3.4 **Mempromosikan** budaya kerja yang selamat dan sihat kepada warga kerja jabatan serta pelawat di bangunan jabatan;
 - 3.5 Menyediakan **kemudahan-kemudahan kebajikan asas** bagi semua pekerja termasuk klinik panel serta peralatan pencegahan dan keselamatan diri; dan
 - 3.6 **Mengkaji semula** dasar ini dari semasa ke semasa.

.....
(YBRS. PROF. MADYA DR. AHMAD AZRIN BIN ADNAN)

Ketua Pegawai Eksekutif

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu

Tarikh : 1 Ogos 2023